

1984

KUALA LUMPUR, 27 MEI (BERNAMA) -- MALAYSIA MENGANGGAP SEBAGAI ANEH DAN LUAR BIASA TINDAKAN PIHAK BERKUASA BRITISH DI HONG KONG MENGGUNAKAN KES PEMBUNUHAN JALIL IBRAHIM UNTUK MENYIASAT BUMIPUTRA MALAYSIA FINANCE (BMF).

PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA MALAYSIA TIDAK MENYETUJUI TINDAKAN BRITISH ITU KERANA MEREKA MENYELIDIK BMF BUKAN KERANA KEHILANGAN WANG TETAPI KERANA MEREKA SYAK ANAK SYARIKAT BANK BUMIPUTRA ITU CUBA MENDAPATKAN BALIK WANG YANG TELAH HILANG..

+MEREKA INGIN TAHU BAGAIMANA BMF CUBA MENDAPATKAN BALIK WANG YANG HILANG ITU SEBAB ITU MEREKA MENGGUNAKAN KES JALIL UNTUK MENDAPATKAN SEGALA DOKUMEN DARIPADA BMF,+ KATANYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG MENJAWAB HUJAH-HUJAH YANG DITIMBULKAN SEMASA PERBAHASAN DI PERHIMPUNAN AGUNG UMNO KE-35 SELAMA TIGA HARI YANG TAMAT HARI INI BERKATA POLIS HONG KONG YANG MENYIASAT KES PEMBUNUHAN JALIL TIDAK MENUMPUKAN KEPADA KES TERSEBUT TETAPI

SEBALIKNYA LEBIH BERMINAT MENDAPATKAN SEGALA DOKUMEN MENGENAI BMF.

DOKUMEN-DOKUMEN ITU PULA DISERAHKAN KEPADA SEBUAH SURUHANJAYA PENYIASAT MENGENAI INDUSTRI SEKURITI YANG BUKAN SEBUAH BADAN POLIS.

LAGI 2105/WS

UMNO - BMF 2 KUALA LUMPUR

+PERBUATAN INI BERCANGGAH DENGAN ATURAN BIASA. APA YANG DIPEROLEHI OLEH POLIS HENDAKLAH DISIMPAN OLEH POLIS, TETAPI SEGALA KERTAS-KERTAS INI TELAH DIBERI KEPADA SUATU PIHAK YANG ADA KAITAN DENGAN INDUSTRI SEKURITI DI HONG KONG.+

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA MALAYSIA TELAH MEMBANTAH TINDAKAN BRITISH ITU SEBAGAI SATU PERBUATAN YANG LUAR BIASA.

+PIHAK BRITISH MENJAWAB BAHAWA MEREKA BERKUASA MEMBUAT APA SAJA DAN TIDAK ADA SIAPA YANG BOLEH MENAHAN MEREKA WALAUPUN KERAJAAN MALAYSIA SEKALIPUN,+ KATANYA.

DITANYA LEBIH LANJUT OLEH PARA PEMBERITA KEMUDIAN, PERDANA MENTERI YANG JUGA PRESIDEN UMNO MENERANGKAN MALAYSIA MEMBANTAH KERANA JIKA MEREKA MAHU MENYIASAT KES PEMBUNUHAN JALIL TERUSKANLAH TETAPI MENGAPA PULA MAHU MENYIASAT BMF.

+BMF TIDAK MELAKUKAN SEBARANG JENAYAH TETAPI MEREKA NAMPAKNYA TELAH MENGGUNAKAN KEADAAN KETIKA ITU BAGI MENDAPATKAN DOKUMEN BMF UNTUK TUJUAN MEREKA SENDIRI. -- LAGI 2122/WS

ZCZC B636

UMNO - BMF 3 KUALA LUMPUR

+APABILA PIHAK MALAYSIA MEMBANTAH, PIHAK BRITISH MENYATAKAN SURUHANJAYA PENYIASAT SEKURITI BERHAK MEMBUAT APA SAHAJA. INI ADALAH DALAM BIDANGKUASA MEREKA.+

PERDANA MENTERI DALAM UCAPANNYA DI PERHIMPUNAN ITU JUGA MENSIFATKAN SEBAGAI ANEH MENGAPA KENYATAAN HEMAT TERTUDUH MAK FOON THAN DIKELUARKAN DI MAHKAMAH SEMASA PERBICARAAN KES PEMBUNUHAN JALIL.

+INI AMAT ANEH KERANA SELEPAS ITU PIHAK MAHKAMAH HONG KONG MENYATAKAN SAMAADA KENYATAAN HEMAT ITU BENAR ATAU TIDAK, TIDAK ADA KAITAN DENGAN KEPUTUSAN PERBICARAAN.+

DATUK SERI DR. MAHATHIR MEMPERSOALKAN MENGAPA KENYATAAN ITU DIBACAKAN JIKA TIDAK ADA KAITAN.

BELIAU BERKATA ADA SETENGAH-SETENGAH ORANG BERPENDAPAT TINDAKAN ITU DIBUAT KERANA UMNO AKAN MENGADAKAN PEMILIHAN PUCUK PIMPINAN TETAPI BELIAU SENDIRI PERCAYA ADA SEBAB LAIN KERANA DOKUMEN BMF TELAH DIAMBIL DAN DISERAHKAN KEPADA SURUHANJAYA ITU.

LAGI 2124/WS

BERCAKAP KEPADA PARA PEMBERITA, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERTANYA LAGI MENGAPA KENYATAAN HEMAT ITU DIBUAT DALAM MAHKAMAH SEDANGKAN MEREKA KEMUDIAN MENYATAKAN IA TIDAK ADA KAITAN.

+MEREKA TIDAK PERDULU SAMADA KENYATAAN HEMAT ITU BENAR ATAU TIDAK.+

BELIAU BERPENDAPAT TIDAK ADA GUNANYA MALAYSIA MEMBUAT BANTAHAN BARU KEPADA PIHAK BRITISH KERANA MEREKA NAMPAKNYA GHAIRAH HENDAK MENUNJUKKAN KUASA.

DITANYA SAMADA PERBUATAN ITU DISENGAJAKAN UNTUK MEMBERI TAMPARAN KEPADA MALAYSIA PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU TIDAK TAHU.

KEDUA-DUA PERISTIWA ITU (HUTANG-PIUTANG BMF DAN PEMBUNUHAN JALIL IBRAHIM) BERLAKU TIDAK LAMA ANTARA SATU SAMA LAIN.

+OLEH ITU MENGAPA DILEHPARKAN TOHMAHAN KONONNYA MENTERI-MENTERI MALAYSIA RASUAH, MENGAPA DIBANGKITKAN INI SEDANGKAN IA TIDAK ADA KAITAN DENGAN KES MAHKAMAH?+

SEBELUM ITU, DATUK SERI DR. MAHATHIR MEMBERITAHU PERHIMPUNAN BAHAWA HUBUNGAN MALAYSIA DENGAN HONG KONG MEMANG TIDAK BAIK.

+ANTARA SAYA DENGAN GABENOR HONG KONG ADA SATU MASALAH PADA TAHUN 1975 TETAPI BARANGKALI ITU TIDAK ADA KAITAN DENGAN KES INI KERANA SAYA PERCAYA ORANG-ORANG DI SANA (HONG KONG) ADIL BELAKA DAN MEREKA TENTULAH TELAH LUPA TENTANG PERKARA ITU. -- LAGI 2205/WS

UMNO - BMF 5 KUALA LUMPUR

PERSELISIHAN FAHAM ITU BERLAKU SEMASA BELIAU MENJADI ANGGOTA PERSATUAN PARLIMEN KOMONWEL (CPA).

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA PERKARA ITU KECIL SAJA DAN LAGIPUN TELAH BERLAKU LAMA DULU. +SAYA TIDAK TAHU SAMADA HONG KONG MASIH BERDENDAM.+

MENYENTUH TENTANG JAWAPAN PIHAK BRITISH TERHADAP BANTAHAN MALAYSIA DAHULU, PERDANA MENTERI BERKATA MEREKA JUGA TIDAK MEMPUYAI KUASA TERHADAP APA YANG BERLAKU DI HONGKONG, DAN SURUHANJAYA MENYIASAT SEKURITI BERKUASA DAN BERHAK BERTINDAK SEDEMIKIAN.

+JADI APA GUNANYA MEMBANTAH TERHADAP ORANG YANG TIDAK BERKUASA. SAYA CUMA MAHU MENJELASKAN SESUATU YANG SAYA SENDIRI TIDAK FAHAM.+ KATANYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENJELASKAN BAHAWA SEBELUM INI BELIAU TIDAK MAHU MENGULAS PERKARA ITU KERANA MENUNGGU SELESAINYA PERBICARAAN KES PEMBUNUHAN JALIL.

BELIAU TIDAK MAHU BERBUAT DEMIKIAN DAHULU KERANA SESUATU KES YANG SEDANG DIBICARAKAN DALAM MAHKAMAH TIDAK BOLEH DISENTUH KERANA SUB-JUDICE. -- BERNAMA 2208/WS